

Panduan
Bulan Sabit Merah Malaysia
bagi Pasukan Kanak-Kanak

Amir Hamzah Aman

Bulan Sabit Merah Malaysia
© MK e-Solutions Sdn. Bhd.
ISBN 978-967-0036-01-4
Terbitan Pertama : 2022

PENULIS
Dr. Amir Hamzah bin Aman

Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan dicetak atau disalin semula, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan kembali, diedarkan atau dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada bentuk elektronik, salinfoto, rakaman atau dengan cara apa jua pun, tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada MK e-Solution Sdn. Bhd., Malaysia.

Kesahihan fakta dan tafsiran dalam terbitan ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak mewakili pandangan, tafsiran dan huraian pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Amir Hamzah Aman, Dr., 1967-
BULAN SABIT MERAH MALAYSIA bagi Pasukan Kanak-Kanak /
Amir Hamzah Aman.

ISBN 978-967-0036-01-4

1. Red Cross and Red Crescent--Malaysia.
2. Student activities--Malaysia.

I. Judul.
369.4

Penerbit:

MK e-Solutions Sdn. Bhd. (803687-K)

6th Floor, Suite 16, IOI Business Park, Persiaran Puchong Jaya Selatan

Bandar Puchong Jaya, 47100 Puchong, Selangor

Tel: +603 80644228

Fax: +603 80642050

web: <http://mke-solutions.com>

e-mail: enquiries@mke-solutions.com

Dicetak oleh:

CIPTA Printing & Publishing (M) Sdn Bhd

No.16, Persiaran Rishah 14, Kawasan Perindustrian Silibin,

30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Tel : 05-5262627 Fax : 05-5262205

Kandungan

Tinta Bicara Penulis.....iv	Bab 9 Perhubungan Bulan Sabit Merah Malaysia 40
Bab 1 Pengenalan Bulan Sabit Merah Malaysia 1	Bab 10 Bantu Mula 43
Bab 2 Sejarah Pengasas Palang Merah 9	Bab 11 Buku Log Bulan Sabit Merah Malaysia 67
Bab 3 A Memory of Solferino 15	Bab 12 Penyediaan Kertas Kerja Projek Bulan Sabit Merah Malaysia 71
Bab 4 Sejarah Bulan Sabit Merah Malaysia 18	Bab 13 Kemahiran Perkhemahan BSMM 91
Bab 5 Prinsip-Prinsip Asas Bulan Sabit Merah Malaysia 21	Bab 14 Lagu Patriotik dalam BSMM 99
Bab 6 Pasukan Kanak-Kanak (LINK) Bulan Sabit Merah Malaysia 24	Rujukan 103
Bab 7 Sukatan Pelajaran Unit Kanak-Kanak dan Skim Lencana Kecekapan 28	Biodata Penulis 104
Bab 8 Pakaian Seragam Bulan Sabit Merah Malaysia Bagi Pegawai dan Ahli Kanak-kanak (Sekolah Rendah) 32	

Tinta Bicara Penulis

Salam Keamanan buat semua Pegawai dan Ahli Bulan Sabit Merah Malaysia.

Sekali air bah, sekali pantai berubah. Begitulah lumrah kehidupan. Banyak ilmu yang digarapkan demi untuk memantapkan BSMM sejajar dengan Pendidikan Abad Ke-21. Saban tahun, kita mewarnai dunia ini dengan ilmu kemanusiaan, kedamaian, dan bantu mula. Namun sumber rujukan yang terbatas sedikit sebanyak meremehkan kelancaran tugas kita yang bersuadaya ini.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk membantu pegawai dan ahli BSMM untuk menyemarakkan aktiviti mereka sejajar dengan visi dan misi penubuhan BSMM. Dalam BSMM bukan pangkat yang didambakan oleh ahli, sebaliknya ilmu dan pengalaman yang dilalui itu yang penting untuk menjadikan mereka manusia dan insan yang memenuhi aspirasi negara. Diharapkan apa ilmu yang dipelajari akan digunakan dalam kehidupan mereka.

Saya berharap buku ini akan menjadi teman kepada pejuang BSMM terutama para pegawai muda di sekolah rendah yang dahagakan bahan rujukan atau garis panduan untuk mengendali, mengurus dan memantapkan ahli BSMM di peringkat awal penglibatan mereka. Idea penulisan ini digubah dan disusun berdasarkan kurikulum BSMM dengan berbekalkan pengalaman menjadi pegawai link di sekolah pada awal perkhidmatan dahulu.

Buku ini diadun menggunakan kurikulum BSMM yang dikeluarkan oleh Bulan Sabit Merah Malaysia dengan konsepnya dipermudah untuk memberikan pemahaman yang santai kepada para pegawai dan ahli BSMM. Beberapa contoh maklumat dan aktiviti diberikan untuk memudahkan pegawai dan ahli menjalankan aktiviti atau pengisian ujian bagi setiap kemahiran.

Saya terpanggil untuk menulis buku ini apabila melihat ketandusan buku-buku rujukan BSMM di Malaysia. Sebagai pendidik, saya menyahut dan merealisasikan agenda pendidikan negara dengan menghasilkan bahan pembacaan bermutu sejajar dengan konsep Pendidikan Abad ke-21. Tambahan pula, ini sebagai halwa mata untuk semua pegawai muda kelahiran Institut Pendidikan Guru Malaysia

Akhir kata, saya ingin merakam jutaan terima kasih kepada Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia, ibu pejabat Bulan Sabit Merah Kebangsaan, para jurulatih BSMM dari seluruh negara dan guru pemimpin BSMM di sekolah yang sering mencetuskan percambahan idea dalam penghasilan buku ini. Terima kasih.

Dr. Amir Hamzah Aman

Pensyarah Cemerlang (Kokurikulum)
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai, Kuala Lumpur

15 Ogos, 2022

Bab

1

PENGENALAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA

Pengenalan



Bulan Sabit Merah Malaysia ialah satu pertubuhan sukarelawan yang telah ditubuhkan pada tahun 1948 dan juga diiktirafkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1957 dan Persatuan Palang Merah Antarabangsa pada tahun 1963. Bulan Sabit Merah Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Parlimen adalah seperti berikut :

1. Apabila Malaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, tidaklah sesuai lagi Persatuan Palang Merah di Semenanjung bertaraf cawangan sahaja dan ibu pejabatnya jauh di London. Satu Akta Parlimen telah digubal dan diluluskan pada tahun 1962 iaitu Federation of Malaya Red Cross Society (Incorporation) Act of Parlimen (Act No 4 of 1962) dan dikuatkuasakan pada 16 April 1962.
2. Apabila Malaya ditukar nama kepada Malaysia dan penggabungan Sabah dan Sarawak di bawahnya telah diubah dan diluluskan pada tahun 1965 iaitu Malaysian Red Cross Society (Incorporation) atau Persatuan Palang Merah Malaysia (Perbadanan) (Law of Malaysia Act 540) di seluruh Malaysia pada 1 Julai 1965.

3. Pada tahun 1975, satu pertukaran nama telah diluluskan iaitu Malaysian Red Crescent Society (Change Of Name) atau Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Pertukaran Nama) Akta ke-162 tahun 1975 (Laws of Malaysia, Act 162).

Bulan Sabit Merah Malaysia sebagai pertubuhan sukarela komited untuk melaksanakan perkara berikut sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang perlu dilunaskan:

1. Untuk mengekalkan satu organisasi yang tetap dan aktif untuk melegakan kesakitan, penderitaan atau tekanan terutama mangsa konflik bersenjata, bencana, atau lain-lain kecemasan tanpa mengira warganegara, bangsa, kelas, jantina, keturunan atau pendapat politik, organisasi sebagaimana disebut mampu untuk memobilisasi dan berkembang dengan efektif untuk memenuhi keperluan konflik bersenjata, bencana dan lain-lain kecemasan.
2. Untuk mempromosikan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan prinsip-prinsip asas pergerakan.